



1034 DEFINISI *TAKFIRI* MENURUT PANDANGAN ULAMA

Muhammad Faiz Mukmin Bin Abdul Mutalib

Hamzah Bin Omar

Mohd Hasbie Al-Shiddieque Bin Ahmad

Muhammad Munzir Bin Muzahar

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Abstrak

Isu takfirī ialah isu yang sentiasa menjadi polemik hangat dalam kalangan umat Islam zaman berzaman. Ideologi takfirī atau dalam bahasa Melayu dikenali dengan istilah kafir mengkafir ini bukan sahaja menular dalam kalangan masyarakat Islam secara umum, bahkan turut menjangkiti organisasi atau kumpulan gerakan yang menjadikan Islam sebagai teras perjuangan. Namun satu permasalahan yang dilihat agak menonjol ialah definisi sebenar Takfirī dan pembahagian Takfirī itu sendiri masih belum jelas. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang menggunakan metod analisis dokumen. Analisis ini dilakukan dengan menilai pandangan-pandangan ulama berkaitan definisi Takfirī. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat dua jenis takfirī iaitu Takfirī Muṭlaq dan Takfirī Mu 'ayyan yang digariskan oleh para ulama.

Kata Kunci : *Takfirī, definisi, ulama*

Pendahuluan

Isu *takfirī* ialah isu yang sentiasa menjadi polemik hangat dalam kalangan umat Islam zaman berzaman. Ideologi *takfirī* atau dalam bahasa Melayu dikenali dengan istilah kafir mengkafir ini bukan sahaja menular dalam kalangan masyarakat Islam secara umum, bahkan turut menjangkiti organisasi atau kumpulan gerakan yang menjadikan Islam sebagai teras perjuangan. Ia merupakan suatu bentuk ideologi yang menyimpang dari garis kesederhanaan yang dianjurkan dalam Islam dan berpotensi melahirkan banyak kesan destruktif sama ada dalam kehidupan sosial, politik dan akhlak. (Muchtar Adam, 2013).

Jika ditelusuri catatan sejarah, pemikiran *takfirī* sangat sinonim dengan soal perpecahan. Perpecahan umat akibat pemikiran *takfirī* dalam kalangan orang Islam bukanlah bermula dari pemikiran ideologi gerakan Islam kontemporari. Bahkan, isu ini telah bermula sejak ratusan tahun dahulu yang diawali dengan kemunculan golongan yang disebut sebagai khawārij. (Khair, 2016) Tindakan ekstrem golongan al-Khawārij yang mengkafirkhan para sahabat sehingga membunuh khalifah Ali bin Abi Talib kerana (menurut dakwaan mereka) dianggap tidak berhukum dengan hukum Allah merupakan manifestasi jelas kesan pemikiran ini. Mereka juga mengkafirkhan sesiapa yang tidak sependirian dengan mereka contohnya dalam isu *tahkīm* dalam peperangan *Sifīfīn*.

Malaysia yang merupakan negara yang mempunyai majoriti rakyat beragama Islam dan meletakkan Islam sebagai agama persekutuan sudah tentu tidak terlepas daripada arus pemikiran



takfīrī ini. Pengaruh kebangkitan Islam yang kuat sejak 1970-an di Malaysia menyaksikan percambahan kumpulan-kumpulan gerakan Islam. kebangkitan Islam secara menyeluruh ini merupakan sebahagian daripada kesinambungan daripada gerakan islah yang berlaku sebelumnya yang diasaskan oleh pemikiran dakwah dan politik Islam serta peranan pertubuhan yang diasaskan oleh tokoh-tokoh gerakan Islam seperti Hassan al-Bannā (1906-1949) dengan al-Ikhwān al-Muslimīn, Abu al-A‘lā al-Maudūdī (1903-1978) dengan Jamā‘at Islāmī, Ayatullah Khameini (1902-1989), Alī Sharī‘atī (1933-1977) dengan revolusi Islam (Muzaffar, 1985).

Permasalahan

Pemikiran *Takfīrī* secara umumnya telah banyak dikaji. Kajian terhadap pemikiran ini akan membawa kesedaran betapa meruncingnya masalah ini. Kajian berkaitan *Takfīrī* merupakan satu perkara yang baik kerana kemelut *Takfīrī* ini telah berakar dalam umat sejak sekian lama. Namun satu permasalahan yang dilihat agak menonjol ialah definisi sebenar *Takfīrī* dan pembahagian *Takfīrī* itu sendiri masih belum jelas.

Definisi Takfīrī

Istilah *takfīrī* dari sudut terminologi, adalah daripada kata nama Bahasa Arab iaitu *takfīr* (تكفیر) yang berasal daripada kata kerja *kaffāra* (كَفَرَ). Manakala *kaffāra* pula merupakan kata berimbahan daripada kalimah *kafara* (كَفَرَ), yang menjadi kata nama *kufran* (كُفْرًا). Mengikut kamus Al-Ma‘nī, dari sudut bahasa, *kufran* bermaksud menutup. Manakala dari sudut istilah, ia memberi pengertian tertutup daripada ilmu, iaitu jahil. atau tidak beriman dengan keesaan tuhan, kenabian, syariat atau ketiga-tiganya sekali. Dalam istilah Bahasa Malaysia, pengertian ini sinonim dengan perkataan kufur iaitu bermaksud tidak percaya atau tidak beriman kepada Allah dan rasul-Nya. (Baharom, 2007) Sementara itu, kalimah takfīr yang membawa kepada istilah *takfīrī* itu membawa maksud perbuatan menghukum seseorang, dengan sifat yang terpesong daripada asas-asas keagamaan. Kata *takfīr* bererti tindakan mengkafirkan atau menuduh orang Islam sebagai kafir. (Umar, 1988) Perbuatan mengkafirkan itu ialah menyatakan kafir atau menganggap kafir kepada seseorang Islam. (Adam, 2013)

Pandangan ulama mengenai Takfīrī

Gejala *takfīrī* adalah perkara yang amat dipandang serius oleh syarak. Lebih-lebih lagi sekiranya hukuman tersebut dilakukan secara semberono tanpa mengetahui kaedah-kaedah syarak dalam menanganinya. Apa yang lebih membimbangkan ialah apabila takfīr dilakukan terus ke atas peribadi seseorang muslim tanpa sebarang usul periksa. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يُؤْذِنُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِغَيْرِ مَا أَكْسَبُوا فَقَدِ احْتَمَلُوا بُهْتَانًا وَإِنَّمَا مُبِينًا

Maksudnya:

“Dan orang-orang yang mengganggu serta menyakiti orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuduh secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata.”(Surah al-Ahzab: 58)



Imam Hassan al-Banna telah menyatakan dalam salah satu daripada 20 prinsip yang diperkenalkan beliau iaitu :

لا نكفر مسلماً -أقر بالشهادتين وعمل بمقتضاهما وأدى الفرائض - برأي أو بمعصية، إلا إن أقر بكلمة الكفر، أو أنكر معلوماً من الدين بالضرورة، أو كذب صريح القرآن، أو فسره على وجه لا تتحمله أسائل اللغة العربية بحال، أو عمل عملاً لا يتحمل تأويلاً غير الكفر

Maksudnya:

“Kita tidak mengkafirkan seorang Muslim yang telah mengucap dua kalimah syahadah, melaksanakan tuntutan-tuntutannya dan menunaikan kawajipan-kewajipannya dengan hanya berdasarkan kepada pendapat atau maksiat yang dilakukannya melainkan jika beliau mengakui kalimah kufur atau mengingkari perkara agama yang diketahui secara dharuri atau mendustakan ayat Al-Quran yang jelas pengertiannya atau menafsirkan Al-Quran dengan penafsiran yang tidak diterima oleh semua uslub Bahasa Arab dalam semua keadaan atau melakukan sesuatu yang tidak boleh ditafsirkan selain dari kufur”. (Mahmud, 2007)

Imam Hassan al-Banna telah memperincikan perihal mengkafirkan saudara Muslim yang bersaksi dengan kalimah syahadah kerana menjatuhkan hukum kafir terhadap saudara Muslim merupakan satu perlakuan yang sangat berat dan boleh membuatkan si tertuduh berada pada kondisi yang tidak sepatutnya.

Menurut Dr ‘Ali ‘Abdul Halim Mahmud dalam Syarah Usul 20 Imam Hassan al-Banna, “Kita perlu menjelaskan bahawa hukum mengkafirkan saudara muslim yang mengucapkan kalimah dua syahadah dan beramal dengan segala tuntutan syahadah – iaitu mengesakan Allah S.W.T, menyembah Allah S.W.T, beriman dengan kitabNya, para Rasul, malaikat, hari akhirat, qadak dan qadar, menunaikan segala kefarduan – maka tidak seharusnya seseorang muslim menghukumkannya sebagai kafir. Demikian juga tidak wajar sesiapapun mengkafirkannya sekiranya ia mengemukakan pandangan *syāz* (janggal) yang menyalahi pandangan kaum Muslimin atau melakukan beberapa perbuatan maksiat yang ditegah oleh Allah S.W.T. Ini kerana pandangan yang *syāz* ini dan juga maksiat yang ia lakukan, dia masih lagi seorang mukmin dan muslim, sekalipun ia dianggap sebagai ahli maksiat.”

Walaubagaimanapun, seorang individu muslim boleh dihukumkan kafir walaupun bersyahadah dan melakukan kefarduan sekiranya melakukan perkara berikut :

- a) Mengakui kekufturan tanpa paksaan dan dalam keadaan berakal. Contohnya mengaku telah keluar dari Islam atau apa sahaja yang membawa kepada maksud tersebut.
- b) Mengingkari perkara-perkara asas atau dimaklumi dalam agama. Sebagai contoh, mengingkari perkara fardu, menafikan kebenaran keseluruhan atau sebahagian daripada ayat Al Quran, mendustakan hadis yang sahih, dan mengingkari perkara yang telah diharamkan Allah seperti arak dan zina.
- c) Mendustakan apa yang telah dinyatakan secara jelas dan terang dalam Al Quran (tanpa takwil) atau menafikan Al Quran secara keseluruhan contohnya tidak percaya bahawa



Allah mengasihi mereka yang melakukan kebaikan, Allah menjanjikan kemenangan buat mereka yang beriman, menjanjikan azab bagi mereka yang kufur dan sebagainya.

- d) Menafsirkan Al Quran atau sebahagiannya dengan tafsiran yang tidak mematuhi tatabahasa arab iaitu mengikuti kaedah, usul, gaya dan konteksnya.
- e) Melakukan perbuatan yang pasti membawa maksud kufur sebagai contoh :
 - i. Membawa simbol salib tanpa sebab (bukan tujuan helah peperangan)
 - ii. Tunduk sujud kepada berhala atau patung tanpa paksaan dalam keadaan waras. (Mahmud, 2007)

Menurut Mufti Wilayah Persekutuan, Dato' Seri Doktor Haji Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, terdapat tiga kaedah penting yang perlu difahami terlebih dahulu dalam memahami isu kafir-mengkafir.

- a) Kafir bagi sesiapa yang tidak mengakui kekafiran orang yang kafir. Bermaksud akidah seseorang boleh tergelincir sekiranya tidak memperakui bahawa golongan yang dikafirkkan dengan nas syarak seperti penganut agama Kristian, Yahudi, Ateisme dan lain-lain itu kafir. (Lihat Al-Ibtal li Nazariyyah al-Khalt Bayn Din al-Islam wa Ghayrih min al-Adyan, 94)
- b) Kafir akan berbalik kepada diri penuduh kafir sekiranya yang tertuduh tidak kafir sebagaimana dakwaan penuduh. Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

أَيُّمَا رَجُلٌ قَالَ لِأَخِيهِ يَا كَافِرْ، فَقَدْ بَاءَ هَا أَحْدُهُمَا

Maksudnya:

“Mana-mana orang yang mengatakan kepada saudaranya: Wahai kafir. Maka jatuhlah (kafir itu) ke atas salah seorang daripadanya.” Riwayat al-Bukhari (6104) dan Muslim (111).

Berdasarkan hadis tersebut, al-Isfirayini mengatakan sesiapa yang membida'ahkan orang yang tidak bid'a'h, menyesatkan orang yang tidak sesat atau mengkafirkkan orang yang tidak kafir, maka hukum tersebut akan kembali kepadanya. (Lihat Al-Tabsir fi al-Din, 180)

- c) Kesilapan dalam membiarkan orang yang jatuh kafir itu hidup lebih ringan berbanding kesilapan menumpahkan darah seorang muslim. Imam al-Ghazālī mengatakan ramai orang dengan mudah menjatuhkan kafir terhadap golongan yang tersilap dalam berijihad sedangkan mereka itu bukan termasuk dalam golongan yang mendustakan Rasulullah SAW. Pengkafiran itu berlaku kebanyakannya berpunca daripada kefanatikan dan sikap taksub. Sedangkan tidak sabit pengkafiran terhadap golongan yang tersilap dalam mentakwil, kerana ‘ismah (keterpeliharaan) darah seseorang muslim adalah muktamad berdasarkan hadis riwayat al-Bukhārī (25):

أُمِرْتُ أَنْ أُفَاتِلَ النَّاسَ حَتَّىٰ يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ، وَيُؤْمِنُوا الصَّلَاةَ، وَيُؤْتُوا

الرِّزْكَاهَ، فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ



Maksudnya:

“Aku diperintah untuk memerangi manusia sehingga dia mengucapkan, tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah, Muhammad itu Rasulullah, apabila mereka mengucapkannya, maka terpeliharalah daripadaku darah dan harta mereka kecuali dengan hak Islam (syarak).” (Al-Bakri, 2018)

Termasuk di bawah kaedah ini juga apa yang dinukilkan oleh Zarruq daripada Ibn Furak bahawa:

الغلط في إدخال ألف كافر بشبهة الإسلام خير من الغلط في إخراج مسلم واحد بشبهة كفر

Maksudnya:

“Tersilap memasukkan seribu orang kafir dengan syubhat Islam lebih baik berbanding tersilap mengeluarkan (mengkafirkan) seorang Islam dengan syubhat kekufturan.” (Lihat Qawā'id al-Tasawwuf, hlm. 31 Kaedah 85)

Dalam hal ini juga Imam al-Rafi'i menegaskan, jika dinukilkan daripada seseorang suatu lafaz yang pada zahirnya kekufturan, maka ia hendaklah diteliti dan disiasat terlebih dahulu. Jika ia mengandungi maksud yang berlainan dengan zahir lafaz, seperti ingin mengkhususkannya (*takhsis*) atau kata-kata kiasan (*majaz*), maka ia perlu ditanya kepada orang yang melafazkannya untuk mengetahui apa maksud yang dikehendakinya. Walaupun pada asalnya sesuatu lafaz itu diambil pada hakikat dan keumumannya, namun dalam hal ini kewaspadaan (*ihtiyat*) diperlukan. Jika dia menyebutkan sesuatu lafaz yang pada zahirnya terdapat andaian (*ihtimāl*) kekufturan, namun dia menafikan kekufturan, maka ia dibiarkan. Jika lafaz itu tidak mengandungi andaian yang menyalahi zahirnya atau dia mempertahankan dengan hujah yang tiada kaitan dengan lafaz atau tidak menjelaskan langsung, maka ia perlu diminta bertaubat. Sekiranya dia tidak mahu bertaubat sedangkan lafaz yang diucapkan itu jelas kekufturannya menurut ijmak, maka ketika itu ia dihukumkan murtad dan boleh dibunuhi jika tidak bertaubat. (Lihat al-Fatawa al-Hadisiyyah, 1/222)

Berdasarkan kaedah yang dinyatakan, isu kafir mengkafir perlu ditangani dengan penuh berhati-hati. Oleh kerana itu, para ulama menggariskan dua kaedah dalam *mentakfir*. (Mas'od, 2015)

Pertama: *Takfir Mutlaq*. Bererti menyatakan bahawa sesiapa berbuat sesuatu perkara yang boleh mengkafirkan maka ia boleh membawa kepada kekufturan, tanpa memaksudkan orang tertentu. Kenyataan seumpama ini difokuskan kepada perbuatan atau ajaran atau pembawaannya, bukan orang secara khusus.

Kedua: *Takfir Mu'ayyan*. Bererti menyatakan bahawa si fulan bin si fulan, iaitu dengan menyebut nama orang tertentu telah kafir. Kenyataan seumpama ini ditujukan secara langsung kepada seseorang yang melakukan sesuatu perkara yang boleh mengkafirkan. (Lihat Fatawa Mu'asirah, 1/126-127)

Menurut Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwi takfir perlu dibezakan dengan dua cara iaitu takfir nau' (golongan) dan takfir syakhs mu'ayyan (individu). Beliau menyebut:

“Di sini, suatu perkara lagi yang mesti diberi perhatian di dalam isu menghukumkan kufur ini, iaitu sebagaimana yang telah ditegaskan oleh para alim ulama yang telah membuat kajian, wajiblah membuat perbezaan dalam menghukum kufur antara keatas orang perseorangan dan ke atas sesuatu golongan. Pengertian ini dapatlah kita katakan



umpamanya, “golongan komunis adalah kafir, pemimpin-pemimpin sekular yang menentang hukum syarak adalah kafir, atau barangsiapa yang berlafaz demikian dan meminta demikian maka dia adalah kafir. Semua hukuman ini terkandung dalam hukuman bahagian nau’ (golongan). Apabila tuduhan kafir ini hendak ditujukan kepada individu yang tertentu daripada mana-mana golongan tadi, maka wajiblah terlebih dahulu diselidiki kedudukan dan sikap orang yang akan disifatkan dengan hukuman ini. Umpamanya dengan cara bertanya dan berbincang dengannya sendiri, hingga benar-benar terbukti hujah, ternafi segala syubhat dan supaya tidak ada lagi sedikitpun ruangan ianya berdolak-dalik dengan sebarang keuzuran.” (al-Qarađāwi, 1988)

Menurut beliau lagi, orang yang layak disebut kafir ialah orang yang dengan terang-terangan tanpa malu menentang dan memusuhi agama Islam, menganggap dirinya kafir dan bangga akan perbuatannya yang terukut.

Bukan orang-orang Islam yang tetap mengakui agamanya secara lahir, walaupun dalamnya buruk dan imannya lemah, tidak konsisten antara perbuatan dan ucapannya. Orang itu dalam Islam dinamakan munafik. Di dunia dia tetap dinamakan (termasuk) orang Islam, tetapi di akhirat tempatnya di neraka pada tingkat yang terbawah.

Berikut kami kemukakan golongan yang layak disebut kafir tanpa diragukan lagi iaitu :

- a) Golongan komunis atau ateis yang percaya pada suatu falsafah dan undang-undang yang bercanggah dengan syariat dan hukum-hukum Islam. Mereka itu musuh agama terutama agama Islam. Mereka beranggapan bahawa agama adalah candu bagi masyarakat.
- b) Orang-orang atau golongan yang berfahaman sekular yang menolak secara terang-terangan pada agama Allah dan memerangi siapa sahaja yang berdakwah dan mengajak masyarakat untuk kembali kepada syariat dan hukum Allah.
- c) Orang-orang dari aliran kebatinan contohnya golongan Duruz, Nasyiriah, Ismailiyah dan lain-lainnya. Kebanyakan dari mereka berada di Syria dan sekitarnya.

Al-Imam Ghazālī pernah berkata:

“Pada zahirnya mereka itu bersifat menolak dan batinnya kufur”

Sheikh al-Islam Ibnu Taimiyah juga berkata:

“Mereka lebih kafir dari orang-orang Yahudi dan Nasrani kerana sebahagian besar mereka ingkar pada landasan Islam”

Seperti halnya mereka yang baru muncul di masa itu, iaitu yang bernama Bahaiyyah, agama baru yang berdiri sendiri. Begitu juga golongan yang hampir seperti itu iaitu al-Qadianiyah yang beranggapan bahawa pemimpinnya adalah nabi setelah Nabi Muhammad SAW. (al-Qardāwi, 2012)

Syeikh Mustafā Masyhūr di dalam penulisannya dalam buku *Fiqh ad-Da'wah* telah mengulas isu *takfirī* dari sudut pandang dakwah. Beliau menyatakan bahawa perbuatan mengkafirkan seorang muslim merupakan persoalan yang sangat merbahaya. Seperti dalam sabda Rasulullah SAW:

كَانَ الْمُسْلِمُ عَلَى الْمُسْلِمِ حِرَامٌ دَمٌ وَ مَالٌ وَ عِرْضَةٌ

Maksudnya:

“Setiap Muslim terhadap Muslim haram darahnya, hartanya dan kehormatannya”

Kata Syeikh Mustafā Masyhūr, “Telah diketahui bahawa syariat Islam telah memberi kewajipan yang menuntut kepada setiap pendukungnya supaya menyeru manusia kepada Allah,



menyuruh berbuat makruf (perkara yang baik) dan milarang perkara mungkar. Setiap umat akan ditanya di hadapan Allah: “Sudahkah kau menyeru keluarga, tetangga, jiranmu, kenalanmu serta orang-orang yang berhubungan denganmu kepada Allah; untuk melaksanakan isi *Kitābul-lah* dan Sunah Rasulullah SAW atau tidak?” kamu tidak akan ditanya: “Sudahkah kamu menghukum si polan? Kenapa kamu menghukumnya?” kerana perbuatan menghukum seseorang tidak termasuk di dalam taklif Syari’ah. Yang menjadi tugas umat Islam dan diberi pahala jika melaksanakannya adalah tugas dakwah, menyeru manusia kepada Allah, dan kita akan diazab apabila melalaikan kewajipan ini. Dan setiap umat tidak akan disiksa jika tidak menghukumi seseorang, tetapi sebaliknya jika melakukannya, akan dihadapkan pada azab sangat keras apabila salah dalam memberikan hukuman.” (Masyhur, 2000)

Syeikh al-Islam Ibn Taimiyyah dalam Majmu’at al-Fatawa ada menyebut garis panduan atau batas-batas yang membezakan sama ada seseorang itu kafir atau sekadar tersilap ijihad, atau pemaksiat atau fasik yang tidak membawa kepada kafir. Katanya:

“Sebetulnya, sesiapa yang berijtihad dalam kalangan umat Muhammad SAW dengan tujuan mencari kebenaran lalu tersilap, dia tidak kafir. Bahkan diampunkan kesilapannya. Sesiapa yang telah nyata kepadanya apa yang datang dari Rasulullah SAW , lalu dia menentang setelah terang untuknya petunjuk lalu dia mengikut selain jalan kaum mukminin, maka dia kafir. Sesiapa yang mengikut nafsu, kurang mencari kebenaran serta bercakap tanpa ilmu maka dia pemaksiat dan berdosa. Boleh jadi dia fasik, ataupun baginya kebaikan-kebaikan lain yang lebih banyak dari kesalahannya. Bukan semua yang bersalah, berbuat bid’ah, jahil ataupun sesat itu menjadi kafir, bahkan mungkin tidak fasik dan tidak berdosa”. (Abidin, 2013)

Sejarah kewujudan pemikiran Takfirī

Jika ditinjau dari sudut sejarah, masalah *takfirī* dalam kalangan umat Islam bukanlah gejala yang baru wujud. Ia mula lahir sejak abad pertama Hijrah lagi iaitu di zaman Sayidina Uthman R.A (Teh, 1987), yang mana golongan pelampau pada waktu itu telah menuduhnya kafir sekaligus menghalalkan darahnya untuk dibunuh berhujahkan firman Allah SWT ayat ke-44 dari Surah al-Maidah:

وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

Maksudnya:

“dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang kafir.” (Al-Maidah: 44)

Golongan ini menggunakan dalil-dalil al-Quran dan hadis, namun bermudah-mudah dalam meletakkan hukum kafir ke atas mereka yang tidak bersepakat dengan mereka. Ideologi ini semakin hari semakin berkembang sebagaimana pada zaman Saidina ‘Ali dalam peristiwa *Taḥkīm* iaitu persetujuan antara pihak Saidina ‘Ali dan pihak Mu‘āwiyah yang bertelagah untuk menerima keputusan kedua-dua hakim atau pengadil yang dilantik dalam menyelesaikan perselisihan antara mereka. Kemuncaknya, segolongan pengikut Saidina ‘Ali seramai 12 ribu orang yang tidak bersetuju dengan tindakan Saidina ‘Ali dalam perundingannya bersama Mu‘āwiyah berpaktat menentangnya kerana merasakan keputusan *Taḥkīm* tidak menyebelahi



mereka. Kumpulan ini kemudiannya dikenali sebagai golongan *Khawārij* atau *Harūriyyah* sempena nama tempat perkumpulan mereka iaitu Harura'. (Marni, 2003) Menurut Gabrieli, kemunculan *Khawārij* ini disifatkan sebagai '*the first real politicoreligious schism of the Moslem community*' atau perpecahan bersifat politik keagamaan yang pertama dalam masyarakat Muslim. (Gabrieli, 1965)

Golongan *Khawārij* sangat melampau dan keras dalam tindakannya terhadap orang-orang Islam yang tidak bersama mereka. Mereka menganggap negeri orang-orang Islam yang bukan *Khawārij* sebagai negeri kafir dan harus untuk dibunuhserta dirampas harta mereka. Dr Yūsuf Al Qaradhwai menyatakan pemikiran *Khawārij* sangat ekstrem kerena mengkafirkhan dan menuduh orang ramai terkeluar dari agama Islam. Mereka menuduh 'Āisyah R.A, Ṭalḥah R.A dan Zubair R.A sebagai kafir kerana mereka bertiga terlibat dalam menggerakkan Perang Jamal. Meskipun *Khawārij* menolak kepimpinan 'Ali R.A, baginda bersangka baik kepada *Khawārij* dengan meletakkan golongan itu dalam lingkungan orang-orang Islam. Apabila ditanya kepada Saidina 'Ali, apakah *Khawārij* itu kafir? Baginda menjawab:"Kelmarin mereka adalah saudara-saudara kita, sekarang mereka derhaka terhadap kita."Mereka dinilai sebagai orang-orang derhaka yang menentang, bukan sebagai orang kafir yang murtad.

Sebenarnya, Rasulullah SAW pernah menyatakan akan hal ini pada waktu hidup baginda. Bibit-bibit kemunculan ideologi seperti ini telah mula wujud pada zaman baginda lagi. Al-Imam al-Ajuri membawakan sanadnya sampai kepada Jabīr bin 'Abdillah bahwasanya dia berkata: "Datang seorang lelaki kepada Rasulullah SAW saat beliau pulang dari perang Hunain, saat itu Rasulullah SAW membawa perak di bajunya, beliau mengambil sebahagian perak tersebut dan sebahagian yang lainnya beliau berikan pada sebahagian orang, maka lelaki tersebut berkata: "Wahai Muhammad berlaku adillah!", maka Rasulullah SAW bersabda: "Celaka engkau, siapakah yang berlaku adil jika aku tidak berlaku adil? Sungguh kamu celaka dan rugi jika aku tidak berlaku adil." Maka 'Umar bin Khaṭṭab R.A. berkata: "Wahai Rasulullah izinkan aku membunuh orang munafik ini!" Maka Rasulullah SAW bersabda: "Aku berlindung kepada Allah jangan sampai orang-orang berbicara bahawa aku membunuh para sahabatku, sesungguhnya orang ini dan para sahabatnya membaca al-Quran dalam keadaan tidak melampaui tenggorokan-tenggorokan mereka, mereka tersasar dari agama sebagaimana tersasarnya anak panah dari busurnya." (Asy-Syari'ah hal. 23, dan hadis ini diriwayatkan juga oleh Muslim dalam Sahihnya)

Bermula pada abad ke 18 masihi, muncul beberapa gerakan Islam yang mewarnai pendekatan-pendekatan keras di dalam menyampaikan dakwah Islam. Beberapa fasa perkembangan ideologi radikal yang dibawa oleh gerakan Islam ini mula dikenalpasti iaitu fasa pertama ideologi *Wahhabi* di Semenanjung Tanah Arab yang dibawa oleh Muḥammad bin 'Abdul Wahhab (1703 – 1792). Ideologi ini bukanlah suatu pemikiran mutlak dalam pemikiran Islam sebaliknya menekankan semula konsep *salafiyyah* yang dibawa oleh Ibnu Taymiyyah dan Ibnu Qayyim al-Jauziyah bertujuan menyuburkan kembali ajaran ahli salaf yang taat kepada Al Quran dan Sunnah sepenuhnya. (Salih, 2000) Sememangnya pandangan yang difatwakan pada zaman kedua ulama tersebut agak keras berikutan konflik perlagai *firqah* yang muncul ketika itu termasuklah *Asy'ariyah*, *Jahmiyyah*, *Mu'tazilah*, *Murji'ah*, *Khawārij* dan Rafidhah selain ketidakstabilan politik oleh situasi Perang Salib dan serangan pengaruh Falsafah Yunani dan Barat yang kuat. Namun pandangan mereka telah digunakan oleh pengasas ideologi *Wahhabi* ini dan digabungkan dengan pendirian dan pandangan beliau sendiri sehingga ia menjadi lebih



ekstrem dalam menentang apa yang tidak selari dengan fikrahnya pada zaman tersebut seperti amalan *taqlid*, syirik dan bidaah. Tindakan ekstrem *Wahhabi* akhirnya menjurus kepada amalan *takfirī* sehingga berlakunya pertumpahan darah sesama umat Islam.

Fasa kedua ialah ideologi radikal oleh Sayyid Quṭb (1906-1966) ketika bersama-sama gerakan *Ikhwān al-Muslimīn (IM)* pada tahun 1950an. Beliau menyertai IM pada tahun 1952 setelah kematian Hassan al-Banna dan ketika kerancakan perjuangan gerakan tersebut yang pada masa itu mempunyai kekuatan ahli seramai 300,000 hingga 600,000. Walaupun IM ketika itu lebih terkenal dengan gerakan bersifat dakwah dan sederhana sebagaimana dibawa oleh penggasasnya, namun berdasarkan pengalaman hidup Sayyid Quṭb yang pernah tinggal di Barat yang memerhati sikap penjajah, beliau telah membawa pendekatan yang lebih radikal bagi mendepani kemelut semasa umat Islam dan campur tangan Barat di Mesir pada ketika itu. Elemen keras atau ekstrem sering dikaitkan dengan beliau yang merupakan seorang ideolog terkemuka IM. Di dalam aspek dakwah, Sayyid Quṭb mengajak umat Islam menentang fahaman sekularisme dan budaya jahiliyah yang membawa kepada keruntuhan moral, kemiskinan dan pengabaian syariat Allah SWT. Oleh itu seruan ini diterjemahkan di dalam akhlak atau tindakan beliau yang menekankan gerakan jihad qīṭal (peperangan) menentang amalan jahiliyah yang lahir kerana kekuatan masyarakat serta pemimpin yang taghut bagi menghidupkan semula kepimpinan negara berkhilafah. Sayyid Quṭb berpendapat bahawa pemimpin hanya mempunyai dua pilihan iaitu sama ada ingin membentuk sebuah kerajaan Islam yang benar (*dār al-Islam*) atau tidak (*dār al-harb*) yang bakal menjadi sebuah kerajaan yang perlu diperangi. (Siti Zubaidah Hj Abu Bakar, 2017) Menurut Dr. Maszlee Malik, majoriti besar pemikiran Sayyid Quṭb dicedok daripada pemikiran besar Islam India-Pakistan iaitu Abu al-A'la al-Maududi. Perbezaan matlamat perjuangan serta demografi Islam dan bukan Islam antara India-Pakistan dan Mesir telah membawa pemikiran Maududi yang asalnya mungkin sesuai ditempatnya ke arah yang ekstrem di Mesir. (Malik, 2014) Akibatnya, budaya *takfirī* sesama muslim bercambah dalam gerakan IM di Mesir terutamanya bagi tujuan menjatuhkan lawan-lawan mereka. Dalam kerencaman situasi ini, Hassan Huḍaibi, Mursyidul Am IM dengan jelas menyatakan kritikannya terhadap beberapa pemikiran dan pendirian Maududi. Beliau juga memperkenalkan karyanya yang berjudul “Kita Penyeru Bukan Penghukum” bagi meredakan kemelut ini. (Khair, 2016)

Fasa ketiga ideologi radikal global yang bermatlamatkan penubuhan *Khilāfah Islāmiyyah* bagi mengembalikan kekuatan kerajaan Islam selepas kejatuhan Kerajaan Khalifah ‘Uthmāniyah. Ideologi radikal global ini muncul seiring zaman globalisasi dan merujuk kepada dua kelompok besar iaitu *Salafi Jihādī* dan *Salafi Takfīrī*.

Salafi Jihādī signifikan dengan gerakan Al-Qaeda yang diasaskan oleh Osama bin Laden dan ‘Abdullah ‘Azzām pasca peperangan di Afghanistan pada akhir 1980an. Al Qaeda melancarkan jihad terhadap Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya dengan merekrut umat Islam seluruh dunia yang datang ke pusat gerakan mereka di Afghanistan dan Pakistan. istilah Salafi Jihadi melambangkan pengaruh ajaran salafiyah yang dibawa oleh Ibnu Taymiyyah dan gerakan ideologi *Wahhabi* dengan seruan jihad *qīṭal* yang dibawa oleh Sayyid Quṭb. Selain itu, ideologi ini turut memegang konsep *al-wala’ wa al-barā’* atas asas kalimah *lā ilāha illa Allah* dengan memberi janji setia kepada Allah SWT dan menjauhi sebarang yang berlawanan dengan syariatnya. Mereka juga percaya bahawa konsep ini membantu mereka mengenalpasti siapakah yang benar-benar memusuhi Islam sama ada umat Islam sendiri atau orang kafir serta



membolehkan mereka melaksanakan jihad *qital* dan memansuhkan semua ajaran jihad lain di dalam Islam.

Salafī Takfīrī adalah suatu kelompok dari pengamal ideologi *Salafī Jihādī* namun menggabungkannya dengan elemen *takfīrī* yang diperkenalkan semula oleh Abu Muhammad al-Maqdisī dalam mengkafirkan golongan yang tidak sealiran dengannya (Suri, 2009). Ideologi ini dipopularkan oleh gerakan *Islamic State of Iraq and Syria* (ISIS) yang diasaskan oleh Abu Mus'ab al-Zarqāwī, sebuah gerakan serpihan dari Al-Qaeda di Iraq dan memperjuangkan penubuhan negara Islam berkhilafah di Iraq dan Syria. Gerakan ini sangat ekstrem dan digeruni oleh masyarakat dunia termasuk Barat dan orang Islam sendiri. Dengan semangat juang yang tinggi namun miskin dari sudut ilmu yang sahih, ditambah dengan desakan dan pengaruh sekeliling menjadikan gerakan ini sebagai ancaman paling radikal di zaman ini. (Siti Zubaidah Hj Abu Bakar, 2017)

Isu *takfīrī* dianggap sebagai suatu pendekatan gerakan aliran 'radikal-ekstrem' yang menilai segala sesuatu menurut pendekatan dikofomi iaitu menghukum secara 'hitam-putih' atau 'Islam-Jahiliyah' atau 'Islam-Kafir'. Fenomena ini dapat disaksikan melalui penggunaan istilah-istilah tertentu seperti *tagħut*, *kafir*, *syirik*, *jahiliyah*, *zalim* dan *Fir'aun* terhadap gejala maksiat, mungkar, terutamanya unsur-unsur modenisme seperti sekularisme, nasionalisme, kapitalisme, liberalisme dan seumpamanya. Fenomena tersebut amat ketara berlaku dalam kalangan pendakwah yang tergesa-gesa atau gopoh dalam pendekatan dakwah dan mengambil jalan mudah atau jalan pintas mengkafirkan orang lain sehingga sanggup melanggari batas-batas ilmu dan akhirnya pendekatan takfir tersebut menjadi senjata kepada musuh dakwah menuduh para pendakwah dan aktivis gerakan Islam sebagai ekstrem, pelampau dan fanatik. (Latiff, 2003)

Gejala *takfīrī* juga dikaitkan akibat tekanan yang kuat seperti pemenjaraan dan penyiksaan dilakukan ke atas gerakan Islam sebagai contoh di Mesir, terdapat sebuah kumpulan gerakan Islam bernama *Takfir wa al-Hijrah* yang dipimpin oleh Muṣṭafā Shukrī pada 1970-an. Dr. Siddiq Fadzil berpendapat, antara punca timbulnya senario ekstremisme takfir ini antaranya ialah akibat penindasan yang keterlaluan dari pihak pemerintah ke atas aktivis Islam, penindasan pelampau yang menimbulkan reaksi yang melampau dari pihak mangsa. (Nor, 2011)

Di Malaysia, isu *takfīrī* berlaku sejak pilihanraya umum 1955 lagi. Kemenangan besar Parti Perikatan dalam pilihanraya tersebut dikaitkan dengan kerjasama pelbagai kaum. Kerjasama antara kaum yang mempunyai latar budaya dan agama inilah menjadi konflik dalam UMNO-PAS. Menjelang pilihanraya tersebut, satu fatwa telah dikeluarkan oleh Haji Abdullah Fahim, Mufti Pulau Pinang yang mewajibkan pengundi beragama Islam memilih calon dari kalangan orang Islam sahaja. Sesiapa yang memberi undi pada calon bukan Islam adalah dianggap telah melakukan suatu perkara yang berlawanan dengan ayat Allah S.W.T. Haji Abdullah Fahim walau bagaimanapun menafikan pernah mengeluarkan fatwa tersebut. Fatwa itu merupakan antara episod awal babak *takfīrī* dalam sejarah politik kepartian Melayu.

Pada tahun 1955 Mufti Negeri Terengganu, Syed Yusuf Ali Zawawi telah mengeluarkan fatwa mengharamkan perbuatan mengkafirkan sesama Islam dan beliau mengulangi sekali lagi pada tahun 1963 apabila krisis kafir mengkafir melanda negeri itu. Kelantan, Terengganu dan Kedah lebih terdedah kepada gejala tersebut berikutan umlah orang Islam yang lebih ramai berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.



Punca pemikiran *Takfīrī*

Letusan fenomena *takfīrī* ini mempunyai asbabnya yang tersendiri, ia tidak berlaku secara tiba-tiba atau spontan.

Menurut Syeikh Yūsuf al-Qardāwi dalam kitab “Kumpulan Fatwa Qardawi” ketika menjawab persoalan mengenai Jamaah *Takfīr wa al-Hijrah*, sebab-sebab timbulnya pemikiran ini adalah seperti berikut :

- a) Berleluasanya kebatilan, kamaksiatan dan kekufuran yang secara terang-terangan dan terbuka di tengah masyarakat Islam tanpa ada usaha pencegahannya. Bahkan sebaliknya, untuk meningkatkan kemungkar dan kemaksiatan, sebahagian individu menggunakan agama sebagai alat propaganda untuk menambah kerosakan-kerosakan akhlak dan sebagainya.
- b) Sikap sebahagian ulama yang mengambil sikap lunak terhadap mereka yang secara terang-terangan menjalankan amalan orang-orang kafir dan memusuhi orang-orang Islam.
- c) Pada tindakannya, gerakan-gerakan Islam yang sihat dan segala dakwah yang berasaskan al-Quran dan as-Sunnah, maka tiap-tiap perlawanan bagi suatu fikiran yang bebas, tentu akan melahirkan suatu tindakan kearah yang menyimpang, yang nantinya akan melahirkan adanya gerakan bawah tanah (tidak sah).
- d) Kurangnya pengetahuan mereka tentang agama dan tidak adanya pendalamam ilmu-ilmu dan hukum-hukum Islam secara keseluruhan. Oleh itu, mereka hanya mengambil sebahagian dan meninggalkan sebahagian yang lain dengan kefahaman yang terkeliru dan menyesatkan. (al-Qardāwi, 2012)

Menurut Dr. Siddiq Fadzil, timbulnya fenomena ekstrimisme *takfīr* umumnya dilatari oleh keadaan dan suasana tertentu seperti berikut:

- a) Wujud jurang perbezaan yang kuat di antara realiti masyarakat yang serba bejat dengan idealisme kehidupan Islamiah yang serba unggul, jurang luas yang menimbulkan rasa kecewa yang membawa kepada sikap menolak masyarakat yang di luar kelompok sendiri.
- b) Penindasan yang keterlaluan dari pihak pemerintah ke atas aktivis Islam, penindasan pelampau yang menimbulkan reaksi yang melampau dari pihak yang dimangsakan.
- c) Kedangkalan ilmu para aktivis Islam sendiri tentang hukum-hakam dan kaerah, kedangkalan mengakibatkan keberanian yang melulu dalam menghukum seseorang. (Nor, 2011)

Jelas di sini bahawa punca kemunculan pemikiran ekstrem *takfīrī* ini bukan hanya berpunca daripada batang tubuh orang yang mengkafirkhan, bahkan sebahagiannya disebabkan orang yang dikafirkhan itu sendiri selain keadaan sekeliling.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, *takfīrī* ialah suatu keadaan mengkafirkhan seseorang atau segolongan manusia yang mengaku muslim. Namun di sana terdapat dua jenis *takfīrī* iaitu *Takfīrī Muṭlaq* iaitu bersifat umum dan memfokuskan terhadap ciri-ciri yang boleh membawa seseorang terkeluar daripada Islam tanpa menyebut mana-mana individu secara spesifik dan *Takfīrī Mu‘ayyan* yang mana perbuatan mendakwa seseorang individu itu kafir secara spesifik seperti menyebut namanya secara khusus. Walaubagaimanapun, kedua-dua jenis takfīrī ini memberi



kesan besar terhadap tertuduh. Definisi ini akan menjadi kayu ukur penulis bagi menganalisis isu-isu berkaitan *takfirī* pada bab-bab yang seterusnya.

Rujukan

- Khair, S. Z. (2016). Kekusutan Sekitar Elemen Takfīrī Dalam Gerakan Islam - Kritik Huḍāibī Terhadap Beberapa Pemikiran Maududi. 1-12.
- Muzaffar, C. (1985). “*Kebangkitan Islam: Suatu Pandangan Global*”. Di dalam *Perkembangan Modern dalam Islam*, disunting oleh Nasution, H. dan Azra, A. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Umar, A. M. (1988). *Mu'jam 'Arabi Asasi*. Tunis: Jamaah Min Kibaari Laghwiyyin Al 'Arabi Bitaklif Min Al Munazzhomatul "Arabiyyah Litarbiyyah Was Saqafah Wal 'Ulum .
- Adam, M. (2013). *Bahaya Takfīrī (mengkafirkan orang lain)*. Indonesia: Pesantren Al Quran Babussalam.
- Baharom, N. (2007). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud, A. A. (2007). *Syarah Usul 20 Al-Imam Hassan Al-Banna (Rukun Faham)*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Bakri, Z. b. (2018, 11 21). *Tashih al- Mafahim*. Retrieved from Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/tashih-al-mafahim/2789-tashih-al-mafahim-3-kafir-mengkafir-kerana-berbeza-pendapat>
- Mas'od, M. A. (2015). *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa Di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- al-Qarađāwi, Y. (1988). *Punca dan Penyelesaian; Gejala Kafir-Mengkafir*. (A. Anas, Trans.) Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- al-Qardāwi, Y. (2012). *Kumpulan Fatwa Yusuf Qardawi*. Kuala Lumpur: Seribu Dinar Sdn Bhd.
- Masyhur, S. M. (2000). *Fiqh Dakwah (Terjemahan Kitab Min Fiqhi ad Da'wah)*. Jakarta: Dar at-Tauzi' wa Annasyr Al-Islamiyah.



- Abidin, M. A. (2013, Januari 3). *Menilai Amanat Haji Hadi dengan Adil*. Retrieved from Minda Tajdid: <http://drmaza.com/home/?p=2255>
- Teh, W. Z. (1987). *Masalah Takfir Dalam Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Marni, N. (2003). Peristiwa Taḥkīm Antara ‘Ali dan Muāwiyah (Tahun 36 H): Suatu Kajian dan Pengajaran. *Jurnal Teknologi*, 75-92.
- Gabrieli, F. (1965). *A Short History of the Arabs*. Great Britain: Bristol Typesetting Co. Ltd.
- Siti Zubaidah Hj Abu Bakar, K. Y. (2017). *Evolusi Ideologi Radikal dalam Sejarah Kebangkitan Gerakan Islam*. School of Social Sciences, USM.
- Malik, M. (2013, Januari 2). *Apa Ada dengan Amanat Hadi?* Retrieved from malaysiakini: <https://www.malaysiakini.com/letters/217889>
- Suri, A. (2009). *Perjalanan Gerakan Jihad (1930-2002): Sejarah, Eksperimen dan Evaluasi*. Solo: Jazera.
- Nor, R. M. (2011). *Menerjang Badai: 60 Tahun Mempersada Perjuangan*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Latiff, A. Z. (2003). Isu Kafir-Mengkafir dan Implikasinya. *Jurnal Usuluddin*, , 15-32.